


FAQ: TAKLIMAT PENILAIAN PRESTASI STAF PPP - 21 DISEMBER 2022
(berdasarkan soalan di ruangan Chat)

| BIL | ID | SOALAN | JAWAPAN |
|-----|---------------------------|--|--|
| 1. | Rashid Rahup | jika kita ikut panduan pemarkahan tersebut dan menjadikan markah staf menurun dr 90% ke atas sbm2 ni kpd 80% ke atas.. adakah perlu buat justifikasi dan maklum kpd PYD? | Markah penilaian perlu dibincangkan bersama PYD sebagai maklum balas prestasi kepada staf. |
| 2. | Shamsul PPMU | pilihan boleh tak isi? | KAI pilihan wajib diisi dengan memilih sekurang-kurangnya satu pilihan. Rujuk slide taklimat sebagai panduan. |
| 3. | sizalsan | maaf puan, salam apc 2021 leh bubuh kat skt 2022 ker? kat area mana..tq | APC 2021 tetapi majlis dilaksanakan pada tahun 2022 boleh diisi sebagai pencapaian tahun 2022 pada bahagian anugerah (bonus) |
| 4. | fadillah abdul hamid | aktiviti rasmi dan lantikan jawatankuasa tu agak sukar nk splitkan bagi lantikan yg kurang dari 1 tahun tapi tempoh lebih 1 bulan | Aktiviti Rasmi: Penglibatan dalam aktiviti masa pendek/ ad-hoc sama ada sebagai peserta atau AJK yang dilantik secara rasmi. Jawatankuasa/ Taskforce/ Urus setia Bengkel : Pelantikan khas kepada jawatankuasa tertentu dalam jangka masa panjang (lantikan 1-2 tahun) seperti lantikan sebagai Pengerusi, Setiausaha, Ahli Jawatankuasa (AJK) kepada pelbagai program yang bukan tugas hakiki (tidak terdapat dalam JD). |
| 5. | moaaa | Anugerah & Pengiktirafan - Apa yang perlu dimasukkan (Nama Pemberi Anugerahan) | Contoh Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Maka, Pemberi Anugerah adalah Universiti Teknologi Malaysia |
| 6. | Anis Asyikin binti Sukari | macam mana nak bezakan setiap peringkat yg ada ya puan?kalau contoh workshop dibuka untuk industri dalam malaysia. peringkat kebangsaan ke? | Jika penyertaan melibatkan semua negeri, maka ianya adalah peringkat Kebangsaan. |

| BIL | ID | SOALAN | JAWAPAN |
|-----|--------------|---|--|
| 7. | Nurul Izzati | utk webometric tu utk staf akademik sahaja ke? eLPPT? atau boleh utk eLNPT? | from Sharul Hafiz to Everyone: 3:18 PM webo ada utk LPPT dan LNPT |
| 8. | Shamsul PPMU | anugerah kepada ptj boleh masukan tak | Penilaian prestasi adalah pengukuran bagi pencapaian individu, sehubungan itu pencapaian PTJ tidak boleh dimasukkan. Walau bagaimanapun, usaha ke arah mendapatkan penganugerahan boleh dimasukkan dalam komponen yang bersesuaian seperti contoh Anugerah OSHE kepada Jabatan, inisiatif yang dibuat boleh dimasukkan di KAI Pilihan : % Penglibatan dalam pengurusan kualiti di peringkat PTJ / universiti |
| 9. | fauzi | Ketua Tempat Mengundi PRN & PRU... Kebangsaan kan | Boleh dimasukkan dalam Khidmat Masyarakat Peringkat Kebangsaan |
| 10. | faezatul | untuk aktiviti rasmi , kalau staff ada surat lantikan as AJK program pada Oct 2022 contohnya dan semua gerak kerja dah dijalankan tp tarikh aktiviti yg sbnr adalah pada Jan 2023,boleh dimasukkan dalam elnpt tahun ni atau tahun depan ? sbb sy ada try update tp keluar remarks dalam sistem bahawa lantikan yg boleh direkodkan adalah bg aktiviti bertarikh dlm tahun 2022 shj. mohon pencerahan | Perlu lihat dalam 2 keadaan ini: 1. Walau pun program belum berlangsung tetapi jika kerja telah dilaksanakan mulai Oktober 2022, maka boleh dimasukkan mulai Oktober 2022 sehingga Disember 2022 sahaja. 2. Jika lantikan awal dan program pada tahun 2023, tugas sebagai AJK hanya akan dilaksanakan pada tarikh aktiviti, maka masukkan dalam LNPT 2023. |
| 11. | Nadzlin Mohd | salam, nak nk tanya...mengapa apabila masukkan initiative KAI selalu gagal dan dpt notification aksara kurang 10 atau melebihi 2000, pdhal masih lagi ada balance aksara. ada tips utk penulisan di initiative KAI? | Boleh dibuat dengan salah satu cara berikut: 1. Penulisan KAI boleh ditaip sama ada terus di dalam ruangan tersebut atau drafkan di "Notepad" dahulu kemudian copy pada KAI (Ms Word tidak boleh) 2. Perkongsian dari team UTMD seperti berikut: |

| BIL | ID | SOALAN | JAWAPAN |
|-----|-----------------|--|---|
| | | |  <p>from Nurul Jannah to Everyone: 3:55 PM</p> <p>sekadar perkongsian, jika ada masalah keluar popup aksara melebihi 2000 tu boleh tekan logo W di hujung kanan sekali (clean word HTML)</p> |
| 12. | Azlin Abd Jamil | Soalan: Adakah sistem boleh diakses dari luar UTM | <p>Boleh.</p> <p>from yanti to Everyone: 3:22 PM</p> <p>tolg jawab, system lnpt bole access dr rumah atau luar kawasan</p> |
| 13. | salihuddin | Jika kita terlibat aktiviti K.I.K dan kita sertai konvensyen KIK universiti, boleh ke kita isi di lnpt pada 2 tempat iaitu pertama di Aktiviti Kualiti di KAI Utama dan ke-2 Aktiviti Rasmi | <p>Satu di KAI Pilihan: % Penglibatan dalam pengurusan kualiti di peringkat PTJ / universiti</p> <p>Satu lagi Aktiviti Rasmi (Kegiatan dan Sumbangan) untuk Hari Konvensyen</p> <p>* Aktiviti Rasmi adalah dari segi pelantikan (kuantiti) tetapi bila dimasukkan dalam KAI pilihan (kualiti), perlu menjelaskan aktiviti/ tugas yang telah dilaksanakan.</p> |
| 14. | naa3 | KOTAK nk edit inisiatif LNPT tuh xleh besokan lg ka...? ni setakat nampak 5baris ja kne scroll atas bwh pekehal... | Telah ditambahbaik oleh pihak UTMD |
| 15. | FAZLAN KL | apabila cuti belajar, dlm sistem markah lnpt direkod sebagai 0%. Adakah markah lnpt utk tahun yang sama akan dikemaskini semula setelah keputusan penilaian belajar diterima dan diluluskan dlm mesyuarat? | Markah Cuti Belajar yang telah disahkan oleh Jawatankuasa Pembangunan Bakat dan Pelan Penggantian (JKPBPP) Universiti akan dimasukkan di dalam sistem LNPT. |

| BIL | ID | SOALAN | JAWAPAN |
|-----|----------------------|--|---|
| 16. | yanti | Sukan Johor Open International Petanque, open negara2 luar, peringkat negeri ke kebangsaan? | Peringkat Antarabangsa. |
| 17. | Nizamra Masdar | Dear Admin, boleh tak KAI tahun yang lepas-lepas boleh di access semula untuk rujukan. | KAI tahun yang sebelum boleh di access semula. Saudara perlu tukar tahun untuk melihatnya. |
| 18. | osman | bagaimana jika staf bersara pada disember tetapi telah bercuti pada november, beliau tidak mengisi LNPT | Staf yang bersara pada 1 hingga 30 Disember perlu mengisi dan hantar prestasi melalui sistem LNPT. |
| 19. | taufik | salam admin..bwh tab bonus dlm lnpt, bhagian perundingan dan penyelidikan, pyd dah isi tapi xboleh save..die tulis ralat sila hubungi pentadbir..nape jadi gitu ye | Mohon emel terus masalah kepada elnpt@utm.my dengan menyertakan nama dan nombor pekerja untuk semakan lanjut. |
| 20. | fadillah abdul hamid | Lampiran KAI tak wajib dilampirkan dalam sistem..jadi ramai tak beri lampiran sekiranya akan datang KAI adalah mandatory,ramai staf yg akan isi KAI dari awal tahun..sekadar pandangan saya | Laporan KAI hendaklah disertakan bersama bukti sebagai menyokong penilaian yang telah dibuat. PPP berperanan untuk meminta bukti pencapaian daripada PYD. |
| 21. | eliza | Mohon tambahbaik bagi penglibatan sukan, mohon tambah column pengurus pasukan | Akan diambil perhatian untuk semakan semula. |
| 22. | HL Tan | Untuk PYD yang bertukar jabatan dalam tahun 2022 dan PYD dinilai oleh PPP dan PPK di jabatan lama (kerana tempoh berkhidmat lebih lama – contoh: 9 bulan), bolehkah KAI/inisiatif yang ditetapkan oleh jabatan baharu (tempoh berkhidmat selama 3 bulan) dilaporkan juga dalam borang eLPPT yang sama? | Boleh dilaporkan dalam KAI dan PPP/PPK baharu perlu berbincang dengan PPP/PPK lama untuk pemberian markah. |

| BIL | ID | SOALAN | JAWAPAN |
|-----|---------------------------|--|---|
| 23. | Shamsul PPMU | penilai boleh tukar peringkat ke..contoh dia masuk universiti tetapi sebenarnya ptj aje atau sahkan aje... memang dah xleh tukar | Penilai boleh menekan butang Correction dan minta PYD membuat pembetulan. |
| 24. | ikhwanAS | kalau join pibg sekolah kategori apa ya? komuniti ke | Aktiviti Sukarela/ Khidmat Masyarakat - Komuniti. |
| 25. | afif | Bagaimana hendak dibuktikan di dalam KAI kerja-kerja yang tiada bukti dokumentasi. | Laporan KAI perlu dihasilkan bersama bukti pencapaian. PYD boleh berbincang bersama PPP untuk penetapan hasil laporan. |
| 26. | amalia | saya nak tanya, dlm senarai PPR, kita dapat org yg kita tak kenal..maksudnye tiada kaitan dgn kita..so mcmane ye? kita nak menilai pun kita tak kenal dan tak pernah bekerjasama.. | Tidak perlu. |
| 27. | rafizah | Perlu ke PPR menilai staf yang PPR tidak kenal? mungkin PYD terus proses tanpa melihat nama PPR yg disenaraikan. | Tidak perlu. |
| 28. | Norlela | Assalam & Selamat petang, dicadangkan sistem dibuka dari awal supaya KAI dapat diisi dari awal tahun dan ianya boleh jadi panduan kepada staf dalam pelaksanaan tugas berdasarkan kepada sasaran yang diharapkan oleh pegawai penilai. | KAI telah dibuka pada awal tahun melainkan jika ada isu teknikal yang menyebabkan sistem tidak dapat dibuka. Walau bagaimanapun penetapan KAI boleh disediakan di dalam format yang sama dan perlu memastikan perbincangan di peringkat jabatan/ bahagian/ unit dibuat pada awal tahun. |
| 29. | Anis Asyikin binti Sukari | kalau kita ialah ahli dan juga ajk pada sesuatu badan organisasi. boleh kita masukkan dua dua tak? | Masukkan peringkat keahlian yang paling tinggi sahaja. |
| 30. | rafizah | kalau kita sebagai penyelia kepada pelajar latihan industri, boleh ke | Sekiranya ianya sebahagian tugas rasmi, boleh masukkan di KAI atau boleh dimasukkan di bawah Aktiviti |

| BIL | ID | SOALAN | JAWAPAN |
|-----|------------------------------|--|--|
| | | dimasukkan? kalau boleh, di bahagian mana? | Rasmi. |
| 31. | SITI KHADIJAH KAMARUDDIN DDI | salam admin, maaf bertanya. ada kemungkinan dibolehkan ke pengisian KAI ni dibuka sepanjang tahun (ditutup bila tarikh tutup je). daily log kita dah isi & bila LNPT buka, kena isi lagi. pada saya, boleh jimatkan masa, bagi flexibility pada PYD untuk isi bila2 masa, PYD masih jelas task pada waktu tersebut & attachment yg ada boleh terus upload. hujung tahun lebih byk masa utk fokus semakan & tambahbaik pengisian. terima kasih. | KAI telah dibuka pada awal tahun melainkan jika ada isu teknikal yang menyebabkan sistem tidak dapat dibuka. Walau bagaimanapun penetapan KAI boleh disediakan di dalam format MS EXCEL (Perbincangan di peringkat jabatan/ bahagian/ unit). |
| 32. | fazlan | CADANGAN : Mohon tambahbaik atau besarkan sikit kotak untuk isi maklumat dalam sistem LNPT terutama pada pengisian KAI. | Pihak teknikal telah membuat tindakan. |
| 33. | fazlan | CADANGAN : Mohon selesaikan masalah sistem auto logout dalam masa pendek. Sebab bila isi maklumat, beberapa minit bila nak kemaskini akan auto logout. Terpaksa isi semula. Keadaan ini sangat tak selesa. Mohon ambil maklum perkara-perkara kecil macam ni tapi agak menyusahkan sedikit.TQ | Akan dibawa untuk perhatian/tindakan pihak UTMD (Ini adalah isu sistem-sistem UTM). |
| 34. | Nurul Izzati | borang pengesahan maklumat kegiatan sumbangan masih terpakai ke? utk yg xde attachment..sbb sblum ni pakai borang ni kan | Jika tiada bukti lain, masih boleh dibenarkan penggunaan borang tersebut dengan syarat borang tersebut disahkan oleh pihak yang diberi kuasa |
| 35. | fazlan | TQ admin besarkan kotak untuk pengisian KAI dengan serta merta! Terbaik! | Penghargaan diberikan kepada pihak Teknikal. |

| BIL | ID | SOALAN | JAWAPAN |
|-----|--------------------------------------|---|--|
| 36. | nura | bagaimana jika staf bersara pada disember tetapi telah bercuti pada november, beliau tidak mengisi LNPT, apa tindakan yg perlu dibuat | Maklumkan kepada staf untuk ambil tindakan yang sepatunya. |
| 37. | Noorazwani Zainol, Dr. | maksud - bonus kalau tak diisi tiada kesan kpd pemarkahan betul ke? | Bonus membantu mencukupkan markah Kegiatan dan Sumbangan (K&S). Sekiranya K&S telah cukup markah, maka ya, bonus tidak memberi kesan kepada pemarkahan. Tetapi jika K&S tidak cukup markah, maka bonus membantu untuk top up markah pada K&S sehingga maksimum (5 atau 10 markah bergantung kepada gred) |
| 38. | Saodah | Latihann yg dihadiri tu perlu daftar ke utmsmile juga. | Perlu rujuk kepada pihak CTLD dahulu. |
| 39. | Qu | Betul ada juga latihan yg dapat sijil tp tak dpt CPD contoh kursus under pertisas | Penganjur perlu rujuk pihak CTLD. |
| 40. | Nik Rafidah | sIm, bahagian latihan tu kita masukkan latihan yg tak dpt mata CPD ke, maaf klu dah terangkan sbIm ini | Boleh senaraikan sebagai rekod sahaja. |
| 41. | fadillah abdul hamid | tak dapat mata CPD..cuma rekod sebagai latihan dihadiri | Betul. |
| 42. | Faris | kalau APC 2021 dpt tahun ni boleh masukkan ke dlm bonus | Boleh. |
| 43. | MUHAMMAD NURSYARIFU DDIN BIN A WAHID | Selamat petang...berapa banyak kali boleh submit? | Dibenarkan untuk 'submit' sehingga 29 Disember 2022 sehingga jam 5.00 petang sahaja. Tiada had limit dalam tempoh yang ditetapkan. |
| 44. | fadillah abdul hamid | saya rasa CTLD perlu revised semula tempoh pendaftaran mata CPD bagi program..kami di fakulti kadang kala terima wahyu less than | Cadangan akan dimajukan kepada pihak CTLD. |

| BIL | ID | SOALAN | JAWAPAN |
|-----|------------------------|---|---|
| | | one week untuk uruskan event..jadi pendaftaran program mmg takkan dapat mata CPD sebab tidak memenuhi tempoh 14 hari... | |
| 45. | Alizah | kalau disemak semula, byk jugak program yg saya terima sijil tp xde rekod mata cpd...sekiranya klaw blh dimasukkan dlm latihan dihadiri, maybe ade sedikit la point yg kami blh dpt dr kursus tersebut..terima kasih | Boleh senaraikan sebagai rekod sahaja. Kursus yang dihadiri adalah untuk pembangunan diri. Walau bagaimanapun boleh rujuk CTLD untuk makluman lanjut. |
| 46. | idawaty | Kak Su Zalpha.. rasa boleh masukkan di ruangan LNPT-- Bonus--Anugerah dan Pencapaian | Program Body Weight Challenge lebih merujuk kepada pencapaian peribadi. |
| 47. | eliza | Saya setuju dengan Pn fadilah. Tempoh 14 hari perlu direvised semula bagi memudahkan staf mengisi, mohon CTLD untuk semak semula ada kursus yang dijalankan tetapi masih tiada mata CPD untuk kursus tersebut | Cadangan akan dimajukan kepada pihak CTLD. |
| 48. | Ahmad Najah JTNCHEP | pada pandangan saya, penglibatan sukan dan pengiktirafan yg diperolehi dr penyertaan pertandingan sukan yg diceburi adalah 2 perkara berbeza. Pertama, penglibatan dalam SUKAN manakala pengiktirafan yg diperolehi adalah bonus tambahan utk mereka yg menang/ mendapat award. Sekadar pandangan | Rubrik bagi pengiktirafan dan penyertaan adalah berbeza. Boleh rujuk slide taklimat untuk maklumat lanjut. |
| 49. | Masnizah Osman | Mohon bantuan sistem untuk beri notifikasi kepada PYD sekiranya mereka belum submit PPR/ tidak berjaya submit PPR dalam tempoh penajaan PPR. Terima kasih. | Akan dicadangkan untuk tindakan penambahbaikan. |

| BIL | ID | SOALAN | JAWAPAN |
|-----|------------------|--|--|
| 50. | bendahari webex | bagi Program Hari Keluarga UTM ada Kategori Pertandingan Perbarisan dan ada kumpulan menang tempat pertama , kedua dan ketiga...dimanakan bagi kategori ini diambil kira ...Boleh kah diletak dlaam Anugerah ? | Boleh masukkan dalam aktiviti rasmi untuk Program Hari Keluarga. Manakala untuk pertandingan perbarisan tidak boleh dimasukkan di dalam mana-mana kategori sebab pertandingan perbarisan adalah salah satu aktiviti hari keluarga. |
| 51. | Norazlina | Terima kasih atas perkongsian..cuma next year, kalau boleh, sesi pencerahan ini dibuat lebih awal. | Terima kasih |
| 52. | KUNTUM MD. ARIFF | Terima kasih En. Ganesan dan Pn. Hariyani dan team yg memberi penjelasan dgn baik. Tahniah! | Terima kasih |